

# PM: Jangan dengan

**P**ERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi dua pilihan kepada rakyat yang berhak mengundi dalam pilihanraya umum hari ini dan esok. Mereka boleh mengekalkan Barisan Nasional sebagai teraju kerajaan, atau memilih parti lain yang mereka fikir layak mentadbir negara majmuk Malaysia.

Bagi rakyat negara ini, mereka boleh memilih parti pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir sendiri, atau memilih parti-parti lain yang menentang BN bersendirian, atau parti yang berganding bahu menentang parti pemerintah.

Hampir tujuh juta rakyat berbilang kaum dan berbilang agama akan turun memangkah calon dan parti mereka dalam pilihanraya yang ketujuh bagi negara ini. Bagi Datuk Seri Dr Mahathir, pilihanraya ini ialah yang kedua sejak beliau menjadi Perdana Menteri, dan semestinyalah beliau inginkan sokongan rakyat bagi membolehkan Barisan Nasional terus memerintah.

Bagi beliau, kejayaan BN hujung minggu ini bermakna apa yang dilaungkannya — Tradisi Membela Rakyat — boleh diteruskan. Bagi penentang BN pula, kejayaan menyeluruh mungkin mustahil, kecuali di kawasan-kawasan tertentu. Tanda-tanda sehingga ini menunjukkan bahawa BN akan terus memerintah untuk lima tahun lagi.

Walaupun pemimpin BN yakin parti itu akan terus memerintah, satu perkara yang sering ditekankan ialah betapa pentingnya BN memerintah dengan lebih dua per tiga. Perkara ini selalu disebut oleh Perdana Menteri sendiri hampir di mana sahaja beliau berucap atau berceramah.

# Jemu pembangunan

Oleh  
**AHMAD A TALIB**

Dalam siri kunjungan beliau ke beberapa buah negeri menjelang pilihanraya ini, Datuk Seri Dr Mahathir mengulas seruanya supaya rakyat menggunakan kuasa di tangan mereka dengan memberi BN majoriti dua per tiga. Apakah majoriti dua per tiga ini sangat penting kepada BN dan Perdana Menteri?

Dalam kebanyakan ucapannya, Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu pengundi bahawa lebihan dua per tiga bermakna kerajaan boleh mentadbir negara tanpa sebarang keraguan. Memang benar bahawa kerajaan boleh memerintah dengan majoriti yang kecil, sepertimana di beberapa buah negara lain. Tetapi, bagi kerajaan yang mempunyai majoriti dua per tiga atau lebih, kuasa yang dipegangnya ternyata padat.

## Penting

Perdana Menteri pernah ditanya apakah begitu perlu majoriti dua per tiga ini. Jawabnya dengan tenang: "Majoriti dua per tiga atau lebih akan membolehkan kerajaan mentadbir negara dengan keyakinan yang penuh. Kerajaan tidak perlu curiga tentang tindakannya, apatah lagi bila pentadbiran dilaksanakan dengan adil dan penuh rasa tanggungjawab."

Apabila pemimpin BN sering melaungkan perlunya parti pakatan itu mendapat majoriti dua per tiga, jangan pula pengundi menyifatkan ini sebagai perasaan gentar parti itu menghadapi parti-parti lawan. BN yakin terus memegang teraju pentadbiran, tetapi majoriti yang besar bermakna rakyat menyokong terus dasar-dasar kerajaan, terutama dasar-dasar yang ada kaitan dengan kestabilan politik dan keharmonian antara kaum dalam masyarakat majmuk.

Satu contoh bagaimana majoriti dua per tiga atau lebih itu penting dalam mana-mana kerajaan boleh dilihat di Sabah sebelum Parti Bersatu Sabah (PBS) pimpinan Datuk Joseph Pairin Kitingan menjadi ahli BN. PBS yang menubuhkan kerajaan pada bulan April 1984 dengan lebihan yang kecil hanya mampu bertahan selama 10 bulan.

Banyak keputusan kerajaan PBS ketika di luar BN dipertikaikan. Tidak kurang penting, keamanan dalam negeri juga tergugat apabila parti-parti lawan bertindak pelbagai cara menentang PBS. Juga berlaku dalam kekecohan negeri itu ialah bilamana anggota PBS dalam kerajaan lari meninggalkan parti atas sebab-sebab tertentu.

Datuk Pairin, selaku Presiden PBS dan Ketua Menteri, tidak boleh bertindak menahan kekecohan, sama ada dalam parti atau dalam negeri. Majoriti yang diperolehi oleh PBS terlalu nipis, dan ini menyulitkan pentadbiran negeri itu. Dalam kekecohan itu, iklim perniagaan turut terjejas, dan suasana harmoni dalam negeri sedikit sebanyak menjadi muram.

Apabila PBS menang 34 kerusi dalam pilihanraya April lepas, kerajaan negeri yang baru

bertukar corak. Rasa kurang yakin di kalangan pemimpin PBS lenyap. Sebaliknya, timbul perasaan yakin yang lebih teguh dan ini memberi PBS, yang akhirnya diterima sebagai ahli BN, nafas baru mentadbir negeri. Tidak ada parti politik dalam negeri Sabah sekarang yang berpengaruh seperti PBS. Sekaligus, tidak ada parti yang boleh menentang dan menahalnya memerintah.

Keteguhan PBS ini diakui sendiri oleh Perdana Menteri dalam lawatannya ke Kota Kinabalu baru-baru ini. Dan keteguhan ini jugalah yang dicari-cari oleh beliau.

Dalam pilihanraya umum 1982, BN mencatat sejarah gemilang. Kegemilangan ini menjadi impian pemimpin-pemimpin BN. Sama ada BN pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir boleh mengulangi kegemilangan ini hanya Allah

yang boleh menentukan, tetapi ramalan-ramalan yang dibuat oleh bermacam pihak setakat ini menunjukkan ia boleh dinikmati semula.

Dalam siri lawatannya, Perdana Menteri menentang kuat dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh DAP dan Pas, dua parti politik yang mempunyai cawangan hampir di seluruh negara. Mungkin, inilah sahaja dua buah parti yang boleh memberi tentangan yang sederhana kuat terhadap BN. Parti-parti lain seperti PSRM, NasMa dan Sepakat Democratic Party (SDP) diibaratkan oleh kebanyakan orang tidak lebih daripada "parti nyamuk."

Di Cendering, Kuala Terengganu, seperti juga di tempat-tempat lain, Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu rakyat yang berkumpul bermandi keringat di bawah sinar matahari Pantai Timur, bahawa

Pas dan DAP "bermain mata." Pas, kata beliau, menganggap Umno sebagai parti yang bukan memperjuangkan syiar Islam. Sebaliknya, Pas menuduh Umno bersubahat dengan parti-parti bukan Islam.

"Apa pula pendapat Pas yang sekarang bermain-mata dengan DAP, parti yang menentang penubuhan negara Islam seperti yang ingin diwujudkan oleh Pas. Di mana letaknya kewibawaan pemikiran pemimpin Pas? Mungkin Pas memegang prinsip lain bila membezakan yang mana Haq dan Bathil....tindak tanduk Pas sungguh mengelirukan."

Di satu upacara di Gombak, Kuala Lumpur, Perdana Menteri menceritakan bagaimana pemimpin kesatuan sekerja memeralatkan anggotanya dan menggunakan kesatuan sebagai batu loncatan. Beliau mengungkit penyertaan presiden

SDP, Ahmad Nor, yang dulu memimpin Kongres Kesatuan Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs). Kata Datuk Seri Dr Mahathir, perletakan jawatan Ahmad Nor daripada Cuepacs untuk memimpin SDP mencerminkan pendirian yang berbelah bagi.

## Eksyen

Perdana Menteri berkata Ahmad Nor cuba menghasut kakitangan kerajaan supaya bencikan kerajaan sementara pemimpin Cuepacs sekarang tidak pula menggunakan pertubuhan itu untuk kepentingan politik.

Perjuangan Cuepacs semata-mata untuk mendapatkan faedah sebaik mungkin untuk ahli-ahlinya. Kesediaan pemimpinnya menerima pelarasan gaji baru ini membuktikan perjuangan itu tidak lari

dari matlamat awal. Mengapa persetujuan boleh dicapai dengan pemimpin-pemimpin Cuepacs yang baru manakala ini tidak dapat diwujudkan ketika Ahmad Nor menjadi presiden? Bukankah ini membuktikan bahawa Ahmad Nor memang menggunakan pertubuhan itu untuk mencari pengaruh semata-mata?

Dalam tempoh yang singkat, tidak ada parti lawan yang tidak dikritik oleh Datuk Seri Dr Mahathir, sama ada dalam barisan pembangkang atau di luar kumpulan itu. NasMa, yang dipimpin sekarang oleh Raja Nasron Raja Ishak, bekas Ahli Parlimen Umno, lebih mirip parti "selesema," kata Perdana Menteri sementara DAP "tidak demokratik, cuma eksyen sahaja."

Apakah kritik-kritik ini boleh menjejaskan prestasi parti lawan? Bolehkah pengundi di-

pengaruhi dengan kata-kata demikian? Samasamalah kita tunggu keputusan hujung minggu ini.

Dari satu sudut tanahair ke sudut yang lain, Datuk Seri Dr Mahathir terbang macam Superman menangkis dakwaan parti-parti lawan. Dalam satu hari umpamanya, beliau dan rombongan menjelajah beribu kilometer. Aturcaranya sibuk sekali — sarapan di Sri Perdana, menjamah juadah ringan di Kuala Terengganu, makan tengah hari di Kota Bharu, jamuan teh petang dalam kapal terbang, dan makan malam bersama keluarga di rumah.

Bagi seorang pemimpin nasional, aturcara begini banyak erti dan kelebihannya. Bagi pengundi dan rakyat biasa pula, inilah peluang untuk melihat wajah pemimpin, dan bagi yang bernasib baik, ber-

jabat salam pula dengannya. Belum kenal belum tahu, sudah kenal sayang selalu. Mungkin inilah yang diharapkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir dan ahli politik lain yang bertarung dalam pilihanraya ini.

Ada juga yang berpendapat belum kenal belum tahu, sudah lama kenal jadi jemu. Apakah BN akan membuktikan kebenaran kata-kata ini?

Kata kebanyakan mereka, ini mustahil. Perdana Menteri menasihati rakyat supaya jangan jemu dengan pentadbiran BN, pakatan yang bersandar dengan cangkata "Tradisi Membela Rakyat." Menunjuk ke arah tanda-tanda nyata pembangunan negara yang pelbagai bentuk, Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan rakyat supaya jangan mudah jemu dengan pembangunan yang sedia ada.

Jangan jadikan masa

depan anak-anak anda bahan pertaruhan dalam pilihanraya ini, kata pemimpin BN senada presiden mereka. Tarikh 2 dan 3 Ogos akan menentukan sama ada rakyat negara ini puas hati dengan pentadbiran Mahathir atau jemu dan mahu bertukar selera. Datuk Seri Dr Mahathir membuang undi Ahad ini di Kubang Pasu, dan terbang ke Kuala Lumpur menanti keputusan.

Apakah Superman Mahathir akan tersenyum riang apabila keputusan diumumkan? Atau mungkinkah beliau senyum sinis kalau majoriti dua per tiga gagal diperolehi? Apa juga sekalipun keputusan pilihanraya ini, subuh Isnin nanti rakyat Islam Malaysia akan menadah tangan meminta restu Pentadbir sekalian Alam atas perjuangan mereka yang berma-ruah dan bertakwa kepada-Nya.